

BAB 7

KESIMPULAN

BAB 7 KESIMPULAN

Kemunculan tamadun besar Patani di Asia Tenggara sesungguhnya seiring dengan ketinggian jati diri dan kecemerlangan masyarakatnya. Penampilan Patani Besar atau juga dikenali sebagai Patani Raya yang merangkumi negeri Kelantan, Terengganu dan sebahagian utara Pahang menunjukkan pengaruh dan kekuasaan orbit politik kenegaraan yang mantap. Proses dan aliran migrasi dalam konteks negara Patani Besar itu berlangsung sebagaimana yang berlaku juga di negara lain. Malah segala bentuk hubungan termasuk politik, sosial, ekonomi, budaya dan kekeluargaan, dirintis dan berkembang antara negeri-negeri di bawah Patani Besar. Hubungan politik antara Patani dengan Terengganu mahupun Kelantan dan Pahang terjalin erat. Sementelah hubungan yang begitu rapat juga terpaut dengan negeri Johor.

Pola migrasi masyarakat Melayu Patani boleh dikategorikan kepada beberapa peringkat iaitu transmigrasi dan migrasi dalaman. Pada asalnya pola migrasi adalah berbentuk migrasi dalaman yang merangkumi imigrasi, emigrasi dan migrasi bermusim. Namun pola tersebut mulai berubah kepada bentuk transmigrasi semenjak termeterainya Perjanjian Bangkok pada 1909 yang memisahkan persempadanan politik antara Malaysia dan Thailand. Perjanjian tersebut memberikan kesan yang begitu besar terhadap hubungan politik, sosial, ekonomi dan budaya masyarakat Melayu Patani.

Daripada fenomena migrasi yang berlangsung dari semasa ke semasa, transmigrasi yang paling ketara dijelaskan dalam fakta sejarah berlaku

sewaktu rombongan seramai 80 kelamin mengiringi Tun Zainal Abidin ke Terengganu untuk ditabalkan sebagai Sultan Terengganu yang pertama di Kuala Berang. Proses selanjutnya berterusan apabila gerombolan mereka bermigrasi pula ke Kuala Terengganu. Kelompok 80 kelamin tersebut mendiami sebuah penempatan yang kemudiannya diberikan nama Kampung Petani di Kuala Terengganu.

Kehadiran kelompok terkemudian khususnya berpangkal nama Wan turut mempengaruhi pola penempatan bilamana penumpuan mereka agak ketara di Kampung Losong, Pulau Duyong dan Bukit Bayas selain beberapa tempat lain. Nama kampung tersebut mulai terkenal seiring dengan kelahiran tokoh-tokoh ulama dari Patani yang membuka pondok dan mengajar ilmu agama di sana. Malah nama tokoh-tokoh tersebut juga diberikan gelaran berdasarkan nama kampung yang mereka diami seperti Tok Syeikh Duyong dan Tok Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas. Selain itu, terdapat juga nama mereka yang diambil untuk diberikan nama kampung seperti Kampung Losong Haji Long daripada tokoh yang berjasa iaitu Haji Wan Long Hakim. Manakala masyarakat Melayu Patani generasi baru pula dapat dikenali dengan panggilan *al-Fatani* di belakang nama mereka. Pemakaian gelaran *al-Fatani* tersebut tidaklah begitu ketara kerana ia hanya dipakai oleh tokoh-tokoh tertentu seperti Tuan Guru Haji Abdul Rahman *al-Fatani*.

Sementara itu, kelompok yang baru pula memperlihatkan gelombang penghijrahan yang agak besar melalui proses transmigrasi khususnya pada awal tahun 1980-an bilamana masalah politik di Patani mula berbahang

dengan kemuncak kebangkitan rakyat menentang penjajah Thailand. Pola penempatan awal mereka di sekitar Kuala Terengganu adalah berselerak dan tiada penumpuan khusus di kawasan tertentu.

Selain daripada proses migrasi secara berperingkat bagi masyarakat Melayu Patani generasi baru, kegiatan transmigrasi secara bermusim juga berlaku. Hal ini amat jelas berlaku terhadap remaja Melayu Patani yang belajar di Kolej Sultan Zainal Abidin (KUSZA). Pelajar tersebut akan mengambil masa antara dua hingga tiga tahun untuk menamatkan pengajian dan seterusnya akan kembali ke Patani ataupun melanjutkan pengajian yang lebih tinggi di dalam dan luar negeri. Berdasarkan pengalaman ini, dapatlah dibuat rumusan bahawa kelangsungan penghijrahan masyarakat Melayu Patani untuk menuntut ilmu di Terengganu bukan sahaja berlaku pada zaman Tok Syeikh Duyong sahaja, malah ia masih berjalan hingga ke hari ini. Cuma lahir perbezaan yang ketara dari segi kemudahan, tempat dan kaedah pembelajaran dari institusi pondok kepada institusi yang lebih moden seperti KUSZA.

Wujudnya sikap ingin merantau dan meneroka tanah baru selain faktor politik memainkan peranan besar dalam kehidupan di tempat tujuan. Sesungguhnya pegangan yang kuat terhadap nilai-nilai agama sebagai teras paksi kehidupan menjadikan mereka tidak mudah goyah atau dipengaruhi oleh unsur budaya yang lain. Malah dengan kehidupan beragama ini mereka dapat mendidik pemikiran masyarakat setempat supaya berpegang teguh

dengan Islam sehingga ke peringkat mendaulatkan syariatnya sepetimana yang termaktub dalam Perlembagaan Negeri Terengganu pada 1911.

Sebenarnya peranan mereka bukan sahaja di dalam lingkungan daerah Kuala Terengganu semata, malah lebih besar daripada itu. Kuala Terengganu merupakan pusat pemerintahan dan segala dasar pentadbiran digubal di sana. Oleh yang demikian, apabila peranan penting mereka dalam politik amat menonjol dengan ketokohan ulama pentadbir seterusnya menguasai jawatan-jawatan penting seperti mufti, kadi dan lain-lain, memperlihatkan gelombang yang begitu ketara memandu masyarakat ke arah pemerintahan yang adil dan saksama. Kesan yang jelas ini secara tidak langsung menjadikan tokoh-tokoh tersebut lebih terkenal bukan sahaja di Semenanjung malah hingga ke Kepulauan Melayu juga. Sementelah Terengganu pernah popular dengan gelaran Serambi Madinah dan panggilan Darul Iman hingga sekarang serta Pulau Duyong sebagai Lidah Negeri Terengganu.

Keabsahan status mereka sebagai sebahagian daripada institusi Kesultanan mendedahkan betapa penting peranan yang dilaksanakan. Apabila keutamaan yakni kedudukan yang lebih tinggi dianugerahkan kepada kelompok Wan ini secara langsung menggambarkan bahawa penghormatan dan ikatan yang begitu intim tersedia wujud sejak sekian lama. Kehadiran para cendekiawan Islam dari Patani bukan sahaja memberikan impak yang begitu besar terhadap pentadbiran dan politik, malah pengembangan kebudayaan dan nilai turut terserlah dalam kehidupan masyarakat di Terengganu.

Penglibatan secara serius masyarakat Melayu Patani generasi baru dalam aspek pentadbiran dan politik di Kuala Terengganu tidaklah begitu ketara disebabkan jangka waktu kehadiran mereka hanya dalam lingkungan 10 hingga 15 tahun. Walau bagaimanapun, keterlibatan mereka lebih terserlah dalam pentadbiran persatuan Muhajirin Patani dan Majlis Fatwa Patani Malaysia. Antara faktor yang jelas dapat dirumuskan ialah kelompok generasi baru ini masih dalam proses pembaikan dan pemantapan. Waktu yang ada ditumpukan kepada mengumpulkan kekuatan dan menyelesaikan permasalahan sesama ahli. Pihak jawatankuasa persatuan bertungkus-lumus mengadakan pelbagai program untuk mengumpul ahli dan merapatkan hubungan kekeluargaan. Pusat aktiviti yang utama adalah di rumah Tuan Guru Haji Abdul Rahman di Kuala Ibai kerana mempunyai kemudahan yang diperlukan. Selain daripada itu, Restoran Nil di Pantai Batu Buruk milik Encik Salim juga seringkali dijadikan tempat untuk bermesyuarat di kalangan ahli persatuan Muhajirin. Sekiranya masyarakat Melayu Patani berketurunan Wan mempunyai ketua kelompoknya sendiri, kelompok yang baru ini pula mempunyai sebuah persatuan yang dinamakan Persatuan Muhajirin Patani. Ianya menunjukkan betapa kedua-dua kelompok ini seolah-olah mempunyai nilai kebersamaan yang kuat dalam hal ini yang memekarkan nilai bekerjasama, tolong-menolong, prihatin dan semangat juang yang kental. Ikatan dan hubungan kekeluargaan seolah-olah tidak akan putus bilamana beberapa tokoh dari keturunan Wan turut menghulurkan bantuan sama ada dari segi kewangan atau seumpamanya seperti yang pernah dilakukan oleh

Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad (Menteri Besar Terengganu). Malah persatuan tersebut berperanan besar dalam menyatukan seluruh ahli kelompok masyarakat Melayu Patani generasi baru dan juga merupakan tempat rujukan utama bagi menyelesaikan masalah yang melanda.

Kelangsungan pengaruh masyarakat Melayu Patani ini sebahagian besarnya terletak kepada corak pengekalan budaya perkahwinan antara kelompok sendiri. Sebagaimana yang berlaku terhadap kelompok Wan dari Kampung Losong, Kampung Bukit Bayas dan Pulau Duyong menunjukkan bahawa kesohoran kelompok mereka haruslah dipertahankan dari generasi ke generasi. Apatah lagi dengan kewujudan ketua kelompok seperti di Losong yang berperanan menjaga status dan pengekalan identiti supaya tidak terhapus. Manakala kawasan perkuburan khas khusus untuk keturunan Wan juga disediakan di Kampung Bukit Bayas dan Losong. Keadaan ini adalah begitu jelas menggambarkan kecintaan dan kesetiaan mereka mempertahankan identiti. Di samping itu, sesuatu yang boleh dibanggakan juga ialah terdapat kelompok Wan iaitu saudara-mara dari Patani yang dijodohkan dengan kelompok di Kuala Terengganu. Ianya menunjukkan hubungan secara langsung untuk mempereratkan tali perhubungan antara keluarga di Patani dan Terengganu. Namun, semenjak berakhir Perang Dunia Kedua, proses tersebut turut mengalami penghakisan, iaitu penekanan terhadap sistem perkahwinan sesama sepupu atau dua pupu tidak lagi menjadi sebahagian daripada agenda utama dalam kehidupan mereka. Anak-anak diberikan kebebasan sepenuhnya untuk memilih pasangan hidup masing-

masing tanpa halangan. Namun demikian, masalah mungkin wujud khususnya kepada generasi Tok Syeikh Duyong di Pulau Duyong bilamana tanah pusaka semenjak tahun 1950-an tidak difaraidkan kepada anak-anak mereka. Generasi tua yang ada pada hari ini menyedari masalah yang melanda tetapi faktor tanah yang terhad membataskan keperluan tersebut. Kebanyakan generasi muda menetap di luar daripada kelompok sedia ada terutama di Kuala Terengganu dan juga lain-lain tempat.

Sementara itu, wujud pola yang agak berbeza bagi kelompok masyarakat Melayu Patani generasi baru. Corak perkahwinan antara sesama saudara terdekat tidak begitu ketara dan sekiranya adapun hanyalah secara kebetulan sahaja. Namun perkahwinan yang masih mengekalkan unsur tradisi masih wujud bilamana sebilangan daripada isteri responden terdiri daripada calon pilihan keluarga. Malah terdapat juga calon isteri di kalangan waris guru-guru agama di tempat mereka yang menuntut ilmu agama. Guru agama yang bergelar ulama adakalanya memilih anak murid sendiri sebagai calon suami untuk dijodohkan dengan anak perempuan mereka.

Masyarakat Melayu Patani juga amat pentingkan ilmu dan pendidikan agama. Ilmu dan pendidikan adalah teras kepada teraju kehidupan sejagat. Masyarakat Melayu Patani sangat menekankan pendidikan agama terhadap anak-anak. Pendidikan Islam pada peringkat awal terhadap anak-anak secara tidak langsung turut mencorak keunggulan peribadi dan akhlak yang baik. Berdasarkan kajian didapati bahawa pola pendidikan Islam adalah agak ketara pada responden yang berumur, sedangkan pola tersebut mulai berubah pada

peringkat umur yang lebih muda, iaitu 50 tahun ke bawah. Kebanyakannya mendapat pendidikan yang lebih merata dan seragam, iaitu pelbagai disiplin ilmu, termasuk Perakaunan, Kejuruteraan, Undang-Undang, Sains Politik dan seumpamanya.

Masyarakat Melayu Patani generasi baru menggunakan pelbagai kaedah dan strategi yang berkesan dalam usaha menyampaikan risalah Islam kepada masyarakat. Antaranya ialah penumpuan mengajar agama di masjid atau surau di sekitar Kuala Terengganu; membina surau berhampiran kediaman untuk memudahkan proses pengajaran; menubuhkan pusat pengajian dan kelas al-Quran serta Fardhu Ain dan menjalinkan hubungan baik dengan masyarakat setempat. Kelompok mereka sangat dihormati kerana ilmunya dan bersikap peramah serta tidak lokek dengan ilmu.

Keterlibatan yang menyeluruh dalam pelbagai pekerjaan pada masa ini juga menunjukkan bahawa peranan mereka bukan sekadar ketara dalam aspek agama, malah merangkumi bidang-bidang yang lain juga. Antara tokoh penting seperti dalam kajian ini ialah Dato' Seri Amar Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad (Menteri Besar Terengganu), Wan Mohd Albakri Wan Mohd Noor (tokoh ekonomi - Pengarah Kaymarine), Wan Mutalib Embong (tokoh politik dan peguam yang terkenal) dan juga kelompok generasi baru.

Proses asimilasi budaya telah berlaku semenjak dahulu lagi, termasuk dari segi nilai dan kesenian. Antara nilai sosial yang paling menonjol dalam masyarakat Melayu Patani ialah kesebatian nilai bekerjasama, tolongan menolong, cintakan ilmu, agama dan bangsa, prihatin serta mempunya

semangat jatidiri yang kental. Wujudnya nilai yang sebegini adalah hasil daripada rentetan budaya yang dikekalkan sejak zaman berzaman oleh Melayu Patani, malah kehidupan di perantauan menguatkan lagi ikatan rantaian yang sedia ada.

Pengaruh budaya seni yang ketara ialah dari segi seni bina dan reka bentuk rumah. Ciri-ciri Rumah Tiang Dua Belas dan Rumah Limas Bungkus adalah dari seni bina Patani yang unik dan asli. Seni bina tersebut bukan sahaja terdapat pada rumah sahaja malah Istana Tengku Nik juga dibina mengikut struktur Rumah Tiang Dua Belas. Rumah jenis tersebut masih didapati di Kampung Losong, Kampung Bukit Bayas dan Kampung Petani. Walaupun demikian, bilangannya adalah terhad dan telah berusia. Kebanyakan generasi baru lebih berminat membina rumah yang lebih moden seperti rumah teres dan rumah dua tingkat daripada batu bata. Proses transisi tersebut agak menonjol selepas era Perang Dunia Kedua. Pendedahan terhadap sistem pendidikan moden dan persekitaran semasa turut mengubah aliran pemikiran serta persepsi generasi baru. Apatah lagi kesedaran mengenai susur galur jurai keturunan sendiri pun agak kurang.

Di samping itu juga, bahasa pertuturan sehari-hari turut mengalami proses asimilasi, khususnya di kalangan masyarakat Melayu Patani generasi lama yang sudah lengkap dengan penggunaan loghat Terengganu sepenuhnya. Mereka tidak lagi mampu untuk berbahasa dengan loghat asal Patani kerana pencernaan yang padu dengan loghat tempatan. Manakala penggunaan loghat tempatan di kalangan generasi baru tidak begitu ketara

Kebolehan mereka berbahasa mengikut loghat tempatan dalam waktu yang singkat adalah dibanggakan. Penggunaan loghat Terengganu lebih tertumpu kepada perbualan dan hubungan dua hala antara masyarakat tempatan sahaja. Perbualan di kalangan kelompok sendiri pula masih menggunakan loghat Patani.

Peranan dalam aspek ekonomi pula memperlihatkan penyertaan yang sekata dalam pelbagai bidang pekerjaan, khususnya bagi kelompok generasi lama. Pada peringkat awal, seorang pedagang yang berjaya juga merupakan seorang ahli agama. Hal ini adalah realiti yang berlaku dalam kelompok Wan di Losong. Pola tersebut mulai berubah bilamana pengkhususan mulai menapak setelah proses pendidikan dan kerjaya berkembang mengikut peredaran zaman. Pada ketika ini, kelompok keluarga luas tersebut menampakkan suatu kesan yang ketara dalam profesi yang mengkhusus dalam bidang masing-masing. Namun demikian, terdapat juga sebilangan daripada mereka yang menguruskan lebih daripada satu jenis perniagaan seperti Encik Wan Mohd AlBakri Wan Mohd Noor. Beliau bukan hanya bertindak sebagai seorang akauntan, malah mengusahakan beberapa projek perniagaan lain seperti pembuatan kapal dan bot, penanaman tembikai dan sebagainya. Skala pengukuran kejayaan adalah sesuatu yang relatif.

Manakala kelompok generasi baru pula menampakkan penyertaan yang lebih terfokus kepada bidang perniagaan di samping pekerjaan lain. Walaupun terdapat sebilangan daripada mereka yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan negeri, ianya tidaklah begitu ketara. Perbezaan yang

begitu menonjol ini adalah disebabkan beberapa faktor termasuklah masa, tempoh penghijrahan, penyesuaian, penerimaan dan penyertaan dalam masyarakat sendiri. Kebanyakannya masih berada dalam lingkungan gelombang ketidakstabilan ekonomi. Penghijrahan yang hanya berbekalkan sedikit pengalaman dan modal membataskan mereka dengan memulakan sesuatu perniagaan secara kecil-kecilan. Peluang yang terhad di samping masalah pengenalan diri terus menghantui kehidupan mereka dalam usaha menyara keluarga. Walaupun terdapat sesetengah daripada mereka yang datang seorang diri pada peringkat awal dan memulakan perniagaan secara kecilan, ianya tidak mampu mengubah tahap kehidupan selagi masalah yang melanda tidak dapat diselesaikan. Kemudiannya, apabila usaha mereka dalam perniagaan memberikan sedikit keselesaan, isteri dan anak akan dibawa tinggal bersama di tempat bermastautin yang baru. Kesusahan dan keperitan hidup di perantauan menjadikan mereka kelompok yang gigih dan cekal berusaha.

Kemahiran memasak dan berniaga menjadi modal utama dalam persaingan perniagaan. Kehadiran isteri sedikit sebanyak boleh membantu meringankan beban suami, malah kepandaian dalam masakan memberikan kelebihan pula kepada mereka. Kemahiran memasak masakan Thailand bukan sahaja terdiri dari wanita tetapi juga kaum lelaki. Ramai tukang masak lelaki di kalangan mereka ditempatkan di restoran yang menyediakan masakan Thailand sekitar Kuala Terengganu. Oleh yang demikian, tidak hairanlah sekiranya tukang masak lelaki mendominasi restoran masakan

Thailand di sekitar Kuala Terengganu. Sikap peramah dan layanan yang baik menjadi aset utama dalam menarik pelanggan untuk berkunjung ke restoran mereka. Setelah mengecapi sedikit kemajuan dalam perniagaan, ada yang mula meneroka lebih jauh dengan membeli tanah dan membuka restoran yang lain pula.

Kesimpulannya, perkembangan masyarakat Melayu Patani di Kuala Terengganu melalui suatu proses yang agak panjang dan berperingkat. Sewaktu kelompok tersebut melalui era perkembangannya, peranan yang begitu besar dalam aspek politik dan pentadbiran, sosial, agama dan ekonomi telah ditonjolkan. Perbandingan tokoh Melayu Patani dengan tokoh tempatan sememangnya agak jauh berbeza. Terengganu tidak akan mencapai kejayaan seperti hari ini tanpa kehadiran dan wibawa masyarakat Melayu Patani. Gelaran Pulau Duyong sebagai Lidah Negeri Terengganu; senarai tokoh pemimpin serta ulama yang didominasi oleh kelompok Wan; pelaut dan pedagang garam serta lembu terkenal; peniaga kain dan kapal – semuanya adalah hasil berkembangnya generasi Melayu Patani di Kuala Terengganu. Maka gelaran Darul Iman yang diberikan kepada negeri Terengganu amatlah bersesuaian dengan sejarah kegemilangan kehidupan beragama rakyatnya.